

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
23 February 2016

# Semakan semula dasar biodiversiti dilancar

Oleh **AZMAN IBRAHIM**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 FEB.

**S**EMAKAN semula Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan yang menjadi panduan pengurusan biodiversiti seimbang dan mapan dalam tempoh 10 tahun (2016-2025), dilancarkan hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dasar itu menegaskan keperluan negara untuk meneruskan usaha pemuliharaan, penggunaan mapan dan perkongsian manfaat biodiversiti dalam keadaan yang adil dan seimbang.

Beliau menjelaskan, dasar itu mempunyai sasaran jelas, malah tindakan serta waktu pelaksanaan yang aktif disertai oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuk pertubuhan

tidak kerajaan (NGO), Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

"Dasar yang disemak semula menunjukkan tanggungjawab Malaysia di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan melaksanakan matlamat pembangunan mapan," katanya sewaktu berucap dalam majlis pembukaan Sidang Plenari Keempat Platform Antara Kerajaan untuk Biodiversiti dan Perkhidmatan Ekosistem (Ipbes) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Timbalan Pengarah Eksekutif Program Alam Sekitar PBB (UNEP), Ibrahim Thiaw dan Pengerusi Ipbes, Prof. Zakri Abdul

Hamid.

Ipbes yang berlangsung selama tujuh hari bermula hari ini mengumpulkan para saintis dan pengubal dasar dari 124 buah negara.

Tambah Najib, Malaysia berusaha keras untuk menjalin keseimbangan pembangunan sosioekonomi dengan kesejahteraan alam sekitar.

Malah, katanya, Malaysia sentiasa mempunyai ruang untuk memperbaiki keseimbangan pembangunan itu.

Jelasnya, sains boleh menyediakan banyak jawapan untuk setiap persoalan terhadap pembangunan mapan pada waktu ini.

"Kita perlu memperluaskan kepakaran komuniti saintifik bagi memberi pilihan dan senario untuk para pemimpin memformulasikan dasar-dasar yang lebih baik," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, Ma-

laysia mempunyai sedikit pengalaman dalam melakukan keseimbangan alam termasuk penubuhan skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) pada 1956 yang bertujuan membasmi kemiskinan.

Katanya, menerusi Felda, hutan diteroka bagi membangunkan tanaman getah dan kelapa sawit untuk mereka yang tidak memiliki tanah.

"Felda ditubuhkan oleh bapa saya, Allahyarham Tun Abdul Razak yang juga Perdana Menteri kedua dan sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Pembangunan Luar Bandar.

"Pada waktu itu, kerajaan menyedari cara untuk mengeluarkan rakyat daripada kepompong kemiskinan adalah menerusi pembangunan terancang bagi memastikan pembangunan ekonomi dan sosial adalah seiring," ujarnya.

UM - 23/2/2016